

Pesta Rumbia (Sago Fest), 6-8 Julai



©Sabah Tourism

Kuala Penyu akan semarak dengan kemeriahan dan perayaan Pesta Rumbia ke-17 bermula 6 hingga 8 Julai. Nikmati pemandangan santai selama dua jam dari Kota Kinabalu untuk menyaksikan acara unik ini. Saksikanlah pelbagai kegunaan pokok sago dan kepentingannya kepada masyarakat setempat.

Pesta Rumbia mengetengahkan daya tarikan di pelbagai daerah tersebut selain penggunaan tradisional pokok sago. Antara acara menarik yang disediakan untuk perayaan ini termasuklah pertandingan nyanyian (untuk kanak-kanak, orang dewasa dan veteran), selain pertunjukan cara pokok sago diproses. Penabalan Ratu Cantik Pesta Rumbia menandakan penamat hebatnya.

Rumbia, secara saintifiknya dikenali sebagai *metroxylon sagus* atau *metroxylon rumphii* adalah daripada jenis palma. Ia banyak ditemui di Kuala Penyu dan di sekitar daerah Beaufort dan Papar dan dikenali oleh penduduk setempat sebagai 'ambuyat'.

Semua bahagian pokok sago ini boleh digunakan, termasuklah daunnya (dijadikan atap) dan dahannya (dikenali oleh penduduk tempatan sebagai kumbang) digunakan untuk membuat dinding rumah. Pusat Maklumat Rumbia terletak di Kampung Kasugira di Kuala Penyu, lengkap dengan pameran dan pertunjukan kraf tangan selain demonstrasi cara-cara hidangan sago dibuat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pegawai Daerah Kuala Penyu Hasbi Abdul Ghaffar atau Leonard S. Poyong di talian 087-884364. E-mel Hasbi.AbdGhaffar@sabah.gov.my atau Leonard.Poyong@sabah.gov.my

Pesta Gampus 28-29 Julai



©Sabah Tourism

Gampus ialah alat muzik tradisional yang merupakan peralatan muzik bertali tertua dibuat oleh masyarakat Melayu-Brunei di Sabah. Datanglah ke jelapang padi Sabah, Papar (40 minit memandu dari Bandaraya Kota Kinabalu), untuk merayakan peralatan berusia ini dan kepentingannya dalam masyarakat Melayu-Brunei.

Nikmati persembahan muzikal yang mengetengahkan gampus, persembahan silat (seni mempertahankan diri tradisional), pertunjukan perkahwinan Melayu-Brunei yang menarik dan peluang untuk menyaksikan cara cara kuli-muih tempatan dibuat. Anda pastinya tidak mahu melepaskan peluang untuk menyaksikan persembahan menarik oleh Orkestra Gampus yang pertama. Orkestra ini baharu saja ditubuhkan dan terdiri daripada 60 orang pemain gampus berbakat dari Papar, Bongawan, Kimanis, Sipitang dan Weston.

Gampus merupakan peralatan muzik tradisional masyarakat Melayu-Brunei yang menetap di daerah-daerah Pantai Barat Sabah. Orkestra Gampus yang terdiri daripada lelaki kesemuanya akan disertai oleh Fauziah Suhaili dari Bongawan, yang ditabalkan juara Pertandingan Persembahan Solo Wanita Pesta Gampus 2006.

Terdapat juga gerai kraf tangan yang mengetengahkan demonstrasi pembuatan kraf. Satu lagi perayaan indah meraikan warisan salah satu kaum di Sabah – dan jadilah sebahagian daripadanya!

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Datuk Hj. Yusof bin Datuk Seri Panglima Hj Mohd Kassim di Kesatuan Masyarakat Brunei Sabah di talian 088-215732 atau Sri Pelancongan Sabah di talian 088-232121. E-mel Yusof.Kassim@sabah.gov.my



©Sabah Tourism

Larian Amal 7K Sunset Sutra Harbour ke-7, 7 Julai

'Berlari untuk Keronokan, Kesihatan dan Beramal' merupakan tema Larian Amal 7K Sunset Sutra Harbour tahun ini.

Pelari yang menamatkan larian 7K dalam tempoh 77 minit akan berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik cabutan bertuah. Keluarga dan rakan-rakan boleh menikmati pelbagai aktiviti menarik, hiburan langsung dan mengunjungi banyak gerai makanan dan permainan. Memasuki tahun ke-7 pada hari ke-7 dan bulan ke-7 tahun 2007, larian ini dijangka yang paling dinantikan! Ikut serta dalam keseronokan bersama TraxxFm dan beberapa selebriti yang akan berlari dan mengadakan persembahan pada Konsert Selepas Larian. Kutipan amal untuk tahun ini adalah untuk Olimpik Istimewa Sabah dan Sabah Thalassaemia. Bayaran pendaftaran ialah RM20.00 bagi orang dewasa dan RM10.00 bagi pelajar sekolah. Peserta juga akan menerima satu kemeja-T. Amalilah larian menyeronokkan sambil melakukan amal!

Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran, sila hubungi 7K Hotline di talian 088-308121, faks 088-303338 atau e-mel communications@suteraharbour.com.my.

LITTLE ITALY
Pasta & Pizza Corner

For a Great Wine & Dine Evening out...
or for a Lunch on the run, look no further than Downtown KK. Here at Little Italy we'll take you through the Ultimate Experience in Home-made mouth-watering Italian Specialties prepared Fresh Everyday. From Fresh Pastas, Stone Baked Pizzas to a Variety of Main Courses and Desserts to suit the most demanding taste buds...

GROUND FLOOR, HOTEL CAPITAL
(JUST OPPOSITE HOTEL SHUTTLE BUS STOP AT WISMA MERDEKA SHOPPING MALL)
TEL: 088 - 212,231

BEST RESTAURANT AWARD

SET LUNCHES FROM RM 8.50+
AVAILABLE EVERYDAY EXCEPT SAT-SUN & PUBLIC HOLIDAYS

SABAH TOURISM BOARD
LIAISON TO TOURISM, SABAH